

Perolehan aset pertahanan udara diputuskan TUDM

Jawatankuasa Teknikal akan beri penjelasan sebelum ditandatangani kerajaan

Laporan Suzalina Halid dan Fahmy A Rosli news@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keputusan berhubung perolehan aset pertahanan udara negara, sama ada helikopter Black Hawk atau pesawat pejuang F/A-18 akan dibuat melalui Jawatankuasa Teknikal Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata dasar yang diamalkan kerajaan ialah jika penjelasan perolehan pesawat itu tidak dapat dipertahan TUDM, pembelian berkenaan tidak akan ditandatangani.

"Soal sama ada Black Hawk atau F/A-18 daripada Kuwait yang dicadangkan, seperti yang saya jelaskan, dasarnya menteri pertahanan menjelaskan keputusan itu mesti dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal TUDM.

"Kalau dalam kes pesawat TUDM sendiri, mereka akan pe-



nuh bertanggungjawab mengenai kesiapsiagaannya. Kalau tidak dapat dipertahankan, kita tidak akan menandatangani. Itu jelas dasar kita," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhi Shaari (PN-Pasir Mas) mengenai perolehan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sementara itu Anwar berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanya akan meneruskan kes substantif, berfakta dan mengikut undang-undang untuk dibawa ke mahkamah.

Tiada campur tangan

Beliau berkata, alasan itu dimaklumkan SPRM kepadanya berhubung sebab hanya dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah yang didakwa di mahkamah, walaupun lapan ADUN dikaitkan dengan skandal rasuah itu.

Perdana Menteri yang mene-



Jawatankuasa Teknikal Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) diberi tanggungjawab untuk menentukan perolehan aset pertahanan udara.

(Foto hiasan)

gaskan tidak campur tangan dalam kes itu, berkata, beliau dimaklumkan SPRM, maklumat berdasarkan rakaman video dan khabar angin tidak cukup untuk menyokong fakta dan undang-undang dalam mendakwa semua ADUN Sabah yang dikaitkan itu ke muka pengadilan.

"Lapan yang dikaitkan dengan video (rasuah) tetapi SPRM bila

tengok kes itu, ia mesti kes yang kuat untuk didakwa, saya tidak campur. Saya tanya kenapa dua? Sebab kes itu yang boleh berkesan. Kalau tidak, dibuang dari mahkamah.

"Itu alasan mereka. Mengambil kes yang substantif, berfakta dan mengikut undang-undang. Kalau dari video sahaja, tidak boleh," katanya.